

Wang negara cukup - PM

KAMPAR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan kerajaan mempunyai wang yang cukup untuk melaksanakan semua projek yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Perdana Menteri memberitahu, kerajaan telah menyediakan peruntukan, meluluskan dan mengagih-agihkan kepada semua kementerian bagi melaksanakan projek-projek RMK-9.

"Kerajaan sudah pun buat peruntukan, takkan nak buat peruntukan, kalau tidak ada duit. Bila dah buat peruntukan bermakna adalah duit untuk melaksanakan RMK-9.

"Kalau kita buat peruntukan kita tak ada duit, macam mana? Orang akan kata kita pembohong," tegasnya.